



KEADAAN di Kampung Kebun Limau, Batu Tiga yang ditenggelami air setinggi 0.6 hingga 1.6 meter sehingga menyebabkan kira-kira 1,200 penduduk terpaksa dipindahkan selepas hujan lebat selama tiga jam di Shah Alam, Selangor, semalam.

Banjir kilat: 1,200 dipindah

UM 10/9/06

Oleh **SUHANA ABDUL MUTALIB**
dan **FERZALFIE FAUZI**

SHAH ALAM 9 Sept. - Kira-kira 1,200 penduduk Kampung Kebun Bunga di Batu Tiga, di sini, telah dipindahkan ke dewan orang ramai Bukit Batu Tiga berikutan keseluruhan kampung tersebut telah ditenggelami air dalam banjir kilat petang ini.

Daripada jumlah tersebut, lebih separuh daripada mereka merupakan warga asing yang menetap dan bekerja secara sah di Malaysia manakala bakinya penduduk tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Abdul Fatah Iskandar ketika ditemui berkata, semua penduduk dalam keadaan selamat dan bekalan makanan serta kelengkapan harian telah disediakan.

Menurut beliau, banjir di kawasan perkampungan tersebut berpunca daripada arus deras Sungai Damansara yang memecahkan tebing dan ban tanah yang dibina sebelum ini mengakibatkan air sungai melimpah masuk ke kawasan perumahan.

"Banjir setinggi lima meter dan sehingga kini, tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan berlaku.

"Jika hujan lebat berhenti, saya percaya, air akan surut menjelang tengah malam ini," katanya lagi.

Sementara itu tinjauan *Mingguan Malaysia* ke Taman TTDI Jaya yang teruk dilanda banjir akhir tahun lalu pula mendapati, penduduk kawasan perumahan itu kini berada dalam keadaan berjaga-jaga termasuk mengambil langkah memindahkan kenderaan masing-masing ke kawasan yang lebih tinggi.

Para penduduk serta kakitangan penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) turut memantau paras air di sungai berhampiran.

Seorang penduduk, **Halimah Ibrahim**, 44, berkata, penduduk dikejutkan dengan siren amaran banjir berbunyi bagaimanapun ia tidak cukup kuat untuk memberi amaran kepada penduduk.

"Makcik dengar bunyi siren sahaja, terus makcik pindahkan kereta dan barang-barang penting ke tempat yang lebih selamat. Tetapi makcik harap banjir tidak berlaku lagi, makcik sudah penat memindahkan barang," katanya.

Sementara itu, limpahan air Sungai Damansara menyebabkan laluan dua hala Bukit Jelutong-Bukit Raja, Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) ditutup sejak kira-kira 6 petang ini.

Jurucakap Plus Expressways Bhd. (PLUS) ketika dihubungi berkata,

tiada kenderaan yang dilaporkan terperangkap dalam kejadian banjir kilat itu.

Katanya, kakitangan PLUS sedang mengawal pergerakan lalu lintas dan menasihatkan pengguna jalan raya agar mematuhi arahan lalu lintas.

"Kita juga sedang memantau keadaan bagi membolehkan laluan terbabit dapat dibuka semula kepada lalu lintas. Difahamkan air sudah semakin surut dan laluan akan dibuka semula apabila sesuai," katanya.

Laluan lebuh raya tersebut pernah mencatatkan bacaan paras air tertinggi dalam sejarah iaitu 8.71 meter pada 26 Februari tahun ini. Paras yang dicatatkan pada 26 Oktober tahun lepas ialah 8.10 meter dan 7.4 meter pada 13 Oktober 2003.

Di **Kuala Lumpur** pula, tujuh buah kereta rosak akibat dihempap sebatang pokok besar di Jalan Barat, Medan Imbi, di sini ketika hujan lebat hari ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ketika dihubungi berkata, hujan lebat lebih dua jam menyebabkan banjir teruk di Lebuh Raya Mahameru ke pusat bandar raya.

Tambahnya, banjir kilat juga menyebabkan kesesakan teruk di Jalan Duta dan kenderaan terperangkap hampir 45 minit.